

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

3,391 kes baharu dilapor, rekod sedikit penurunan

Putrajaya: Jumlah kes baharu COVID-19 mencatat penurunan dengan 3,391 kes dilaporkan semalam, berbanding 4,571 kes kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Noor Hisham Abdullah, berkata ia menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini sebanyak 234,874 kes.

Katanya, Selangor kekal mencatat pertambahan kes baharu tertinggi iaitu 1,228 kes dan daripada jumlah itu, 816 kes atau 66.4 peratus dikesan daripada kluster sedia ada serta saringan kontak rapat di lapangan.

"Ini diikuti Johor dengan 598 kes (17.6 peratus) dan Kuala Lumpur sebanyak 395 kes (11.6 peratus). Selain itu, 145 kes (4.3 peratus) yang dilaporkan adalah berkaitan kluster dalam lokap, depoh tahanan imigrasi dan penjara.

"Ia membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (52 kes), Kluster Tembok Bukit Besi (23 kes), Kluster Tembok Taiping (21 kes), Kluster Tembok Renggam (16 kes), Kluster DTI Sepang 2 (13 kes), Kluster Tembok Mempaga (13 kes), Kluster Seberang Perai (empat kes) dan masing-masing satu kes dalam Kluster Tembok Sungai Udang, Kluster Penjara Kapanan dan Kluster Telok Mas," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Mengenai kes kematian, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 19 kes kematian dilaporkan iaitu tujuh di Kuala Lumpur, lima di Sabah, masing-masing tiga di Selangor dan Sarawak manakala satu di Perak.

Katanya, kes kematian semalam membabitkan 17 warganegara dan dua warga asing yang berusia antara 42 hingga 95 tahun, dengan sebahagian besarnya mempunyai penyakit kronik.

Mengenai kluster baharu yang dikesan semalam, beliau berkata, 15 kluster dikesan membabitkan 12 berpunca dari tempat kerja, dua dalam kalangan komuniti dan satu membabitkan golongan berisiko.

"Kluster Jalan Mokhtar (Klang) sudah menjangkiti 26 kes, Kluster Jalan Enam Belas (Petaling) menjangkiti 41 kes, Kluster Bandar Teknologi (Hulu Langat) menjangkiti 30 kes, Kluster Persiaran Jaya (Hulu Langat) dengan 17 kes positif.

"Selain itu, Kluster Jalan Lima (Sepang dan Hulu Langat) dengan 24 kes positif, Kluster Jalan Rumbia Dua (Johor Bahru) iaitu 133 kes positif, Kluster Sri Sengkang (Kulai) menjangkiti 126 kes positif," katanya.

Penularan COVID-19

Kaji beri kuasa pihak swasta urus pesakit

Mungkin dibenar pakaikan gelang kuarantin, keluar perintah HSO

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.om.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mengkaji kemungkinan menurunkan kuasa kepada pihak swasta bagi menyelaras dan memudahkan pengurusan pesakit COVID-19 yang dirawat atau membuat ujian calitan di kemudahan perubatan persendirian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ketika ini, pengamal perubatan swasta tidak dibenar untuk memakaikan gelang kuarantin dan mengeluarkan perintah pengawasan di rumah (HSO) sebagaimana rakan sejawat di KKM.

Menerusi penurunan kuasa itu, katanya, pengawal perubatan swasta boleh mengeluarkan perintah pelepasan terhadap pesakit yang sudah menamatkan tempoh pengasingan di rumah.

"KKM sedang melihat untuk menurunkan kuasa kepada pengamal perubatan swasta bagi membolehkan mereka mengeluarkan HSO serta pemakaian gelang.

"Selepas tamat tempoh pengasingan, mereka boleh mengeluarkan perintah pelepasan dan memotong gelang," katanya pada sesi Libat Urus Darurat COVID-19 bersama media secara maya di sini, semalam.

Sesi berkenaan disertai Ketua Unit Virologi, Pusat Penyelidikan

Penyakit Berjangkit Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Dr T Ravindran; Pengarah Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) KKM, Dr Hani Mat Hussin; Pakar Perunding Kanan Penyakit Berjangkit Hospital Sungai Buloh, Datuk Dr C Suresh Kumar dan Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Amalan Perubatan KKM, Dr Mohamed Ahsan Mohamed Ismail.

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), Datuk Dr Hishamshah Mohd Ibrahim, bertindak sebagai moderator).

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian melihat untuk menaikkan kadar kompaun Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988 atau Akta 342 yang ketika ini berada pada paras maksimum RM1,000.

Katanya, ia berikutan ada dalam kalangan majikan yang pekerjaannya dijangkiti COVID-19 sehingga berlaku kluster namun denda yang boleh dikenakan hanya RMI,000.

"Kalau untuk kilang besar, jika ada ratusan pekerja dan didapati tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP), RM1,000 adalah tidak memadai, jadi kita mengkaji peningkatan jumlah kompaun mengikut kesesuaian," katanya.

Beliau berkata, KKM turut mempertimbangkan untuk melakukan kawalan harga terhadap ujian calitan yang diadakan di fasiliti kesihatan swasta dalam tempoh pelaksanaan darurat.

Sementara itu, Dr Noor Hisham menegaskan, kelewatan pusat perubatan dan makmal swasta melaporkan hasil ujian calitan COVID-19 terutama kes positif, turut menyebabkan kontak rapat



Ketika ini, pengamal perubatan swasta tidak dibenar untuk memakaikan gelang kuarantin dan mengeluarkan perintah pengawasan di rumah (HSO) sebagaimana rakan sejawat di KKM.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

lambat dikesan.

Katanya, ia berlaku apabila pengamal perubatan swasta tidak maklumkan segera hasil ujian calitan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).

"KKM sudah mengeluarkan pekeliling kepada 23 makmal swasta untuk segera memasukkan maklumat dan notifikasi.

"Kalau kes bertambah, kita memerlukan kakitangan untuk pengesanan kontak rapat yang sepatutnya dibuat dalam tempoh 24 jam," katanya.

Dr Noor Hisham berharap pihak swasta dan makmal selain KKM dapat meningkatkan kapasiti analisis terhadap sampel ujian berikutan keupayaan di kebanyakan makmal hospital KKM sudah mencecah 100 peratus.

Katanya, makmal di universiti dikatakan menggunakan kira-kira 27 peratus kapasitinya untuk menganalisis sampel ujian, makmal swasta angka 31 peratus dan makmal di hospital milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menggunakan 24 peratus kapasiti makmal.

"Kalau boleh, kami mahu IMR menjalankan penjujukan genom terhadap sampel ujian kerana saya tidak mahu institusi itu membuat ujian biasa ketika kes banyak seperti sekarang.

"Ada sesetengah makmal KKM terutama di hospital sudah mencecah kapasiti 100 peratus, jadi jika makmal lain dapat meningkatkan analisis sampel ujian, kita boleh bekerja sebagai satu pasukan," katanya.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan, satu lagi kes membabitkan varian B.1.1.7 dikesan di negara ini baru-baru ini, selepas kes pertama dilaporkan pada 9 Januari lalu.

Jika kes pertama dikesan dalam kalangan pengembara yang pulang dari United Kingdom (UK), beliau berkata, kes kedua dikesan membabitkan pesakit yang pulang dari Emiriah Arab Bersatu (UAE).

"Rakyat Malaysia mengetahui mengenai varian D614G sebelum ini.

"Kes pertama membabitkan B.1.1.7 dilaporkan pada 9 Januari membabitkan pengembara pulang dari UK, manakala satu lagi kes pulang dari Asia Barat," katanya.

4,756 petugas KKM dijangkiti pandemik

Kuala Lumpur: Ancaman COVID-19 menjangkiti 4,756 petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan (KKM) membabitkan 3,101 wanita dan 1,655 lelaki, setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sebahagian besar daripada mereka mendapat jangkitan dalam komuniti dan bukan di tempat bertugas.

"Malah, semalam (kelmarin) sahaja, KKM menerima laporan 85 kes jangkitan berlaku membabitkan petugas kesihatan," katanya pada sesi Libat Urus

Darurat COVID-19 bersama media secara maya di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, KKM juga mengesan jangkitan turut berlaku dalam kalangan petugas barisan hadapan bukan kesihatan termasuk seramai 936 anggota dan pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Disember lalu, Dr Noor Hisham dilaporkan berkata, seramai 1,880 petugas kesihatan dikesan dijangkiti COVID-19 susulan saringan yang dilakukan selepas berlaku peningkatan kes dalam kalangan petugas kesihatan te-

rutamanya di fasiliti kesihatan dalam Zon Merah dan kawasan berisiko tinggi.

Sementara itu, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), giat mengkaji sampel alternatif untuk RTK-Antigen.

Ketika ini, kedua-dua ujian RT-PCR dan RTK-Antigen menggunakan sampel yang diambil hasil calitan pada bahagian hidung dan tekak.

Ketua Unit Virologi, Pusat Penyelidikan Penyakit Berjangkit, Dr T Ravindran, berkata pihaknya membuat pemantauan terhadap penggunaan air liur pada

awal pagi dan kakak dalaman sebagai sampel alternatif untuk ujian RT-PCR.

"Keputusan ujian mendapati sampel berkenaan sama baik dengan sampel hidung dan tekak yang digunakan ketika ini.

"Penemuan ini bakal mengurangkan penggunaan peralatan perlindungan peribadi (PPE)," katanya katanya pada sesi berkenaan.

Mengulas mengenainya, Dr Noor Hisham berkata, setiap ujian baharu yang diperkenalkan perlu melalui ujian ketepatan IMR.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Kluster kilang catat jangkitan tertinggi


Seremban: Kluster tempat kerja membabitkan sektor perkilangan dan pembuatan dikenal pasti penyumbang tertinggi peningkatan kes COVID-19 apabila merekodkan 157 daripada 446 kluster setakat ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata daripada 157 kluster berkenaan, 38,849 kes COVID-19 dikesan selepas menyaring 147,916 individu yang mempunyai kontak rapat positif wabak itu.

"Kluster tempat kerja daripada sektor perkilangan (dan pembuatan) setakat ini dikesan yang tertinggi kes COVID-19, malah setiap hari ada sahaja kluster (tempat kerja) yang dikesan.

"Setakat semalam (kelmarin) sahaja, empat kluster membabitkan kilang iaitu kluster dalam kawasan perindustrian Rawang Gombak, kluster Jalan Jasmin di Bukit Beruntung Selangor, kluster Parit Penyengat kilang perabot di Muar (Johor) dan kluster Permata 1 di Kawasan Perindustrian Arab Malaysia Nilai, Negeri Sembilan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas melawat kilang di Kawasan Perindustrian Tuanku Ja'afar Senawang, di si-



Dr Adham mengadakan lawatan lapangan di sebuah kilang elektronik di Taman Tuanku Jaafar, semalam.

(Foto BERNAMA)

ni, semalam.

Dr Adham berkata, bagi tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga 18 Februari ini, tumpuan diberikan kepada usaha memutuskan rantaian pandemik dalam sektor perkilangan.

Beliau berkata, penguatkuasa-

an Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerjaan 1990 [Akta 446] berRaitan penginapan pekerja juga memerlukan komitmen tinggi majikan memastikan kes positif COVID-19 dirawat dan kontak rapat diasingkan.

"Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan berpuas hati apabila Kementerian Sumber Manusia menyediakan pusat kuarantin yang bersesuaian dan mematuhi keperluan ditetapkan dalam menangani wabak COVID-19 ini," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Laksana kempen pupuk keyakinan terhadap vaksin

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu melaksanakan kempen kesedaran bagi memupuk keyakinan masyarakat terhadap vaksin COVID-19.

Pasukan Petugas Imunisasi Pakatan Harapan (PH) dalam kenyataan bersama, berkata langkah itu perlu supaya masyarakat menaruh kepercayaan terhadap aspek keselamatan dan keberkesanan vaksin.

Tanggapan bahawa seluruh rakyat Malaysia, termasuk petugas barisan hadapan bersedia menerima vaksin apabila program berkenaan mula dilaksanakan awal bulan depan berkemungkinan meleset.

“Gerakan antivaksin dunia berkembang dan tidak boleh dinafikan wujud kelompok ini di Malaysia yang tidak mahu mengambil vaksin COVID-19.

“Malah, mungkin turut menggesa rakan mereka untuk tidak mengambil vaksin berkenaan.

“Pada zaman berita palsu ini, suara antivaksin mudah tersebar terutama melalui media sosial.

“Pada masa sama, ada pelbagai pihak yang bukan daripada kalangan antivaksin yang mempunyai kerisauan mengenai satu atau lebih vaksin yang akan digunakan di Malaysia,” kata pasukan petugas itu semalam.

Dipengerusikan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, pasukan petugas itu membangkitkan mengenai kekusaran segelintir masyarakat yang tidak memahami proses sebelum sesuatu vaksin memperoleh kelulusan Bahagian Kawal Selia Farmasi Negara (NPRA).

Selain itu, katanya, wujud tanda bahawa satu atau lebih vaksin berkemungkinan diberi ‘kelulusan bersyarat’.

Justeru, amat penting asas saintifik dan kadar keberkesanan setiap vaksin yang bakal digunakan di Malaysia diterbitkan dengan jelas.

“Satu kempen bersama saintif, profesional perubahan, selebriti yang dihormati dan mana-mana tokoh lain yang bersesuaian perlu dilakukan.

“Apabila program vaksin dimulakan kelak, pelaksanaan program ‘jejak dan kesan’ bagi setiap dos vaksin dari tempat simpanan hinggalah ke penerima juga harus dilakukan.

“Ini demi memberi keyakinan bahawa akan ada tindakan susulan yang bersesuaian berkaitan keberkesanan setiap vaksin bagi setiap individu yang diberi vaksin, selain mengekang risiko vaksin palsu dan siji vaksin palsu daripada digunakan seperti terjadi di beberapa negara,” katanya.

‘Ambil alih Kem PLKN, Wawasan kurangkan kesesakan depoh tahanan’

Kuala Lumpur: Pengambilalihan Kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan Kem Wawasan ialah sebahagian langkah mengurangkan kesesakan di depoh tahanan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pendekatan itu turut berupaya menjadi pemangkin ke arah usaha memutuskan rantaian jangkitan dalam kalangan tahanan.

“Kepatuhan kepada prosedur operasi standard (SOP), terutama di institusi tahanan amat penting demi memastikan rantaian jangkitan penyakit berjangkit dalam kalangan tahanan dapat diputuskan.

“Kesesakan di dalam penjara dan depoh tahanan ialah cabaran utama yang memerlukan penyelesaian segera dan jangka panjang, secara bersepadu oleh semua pihak,” katanya dalam kenyataan di Facebook, kelmarin.

Semalam, Dr Noor Hisham bersama Pengarah Kesihatan Melaka, Datuk Dr Ismail Ali, membuat lawatan kerja rasmi ke sebuah Kem (PLKN) di negeri berkenaan.



Ambil alih Kem PLKN boleh mengurangkan kesesakan di depoh tahanan, sekali gus mampu memutuskan rantaian COVID-19. (Foto hiasan)

Setakat ini, Dr Noor Hisham berkata, Kem PLKN digazetkan sebagai penjara satelit bagi tahanan sementara sebelum dijatuhkan hukuman.

Menerusi pendekatan itu, katanya, banduan akan ditempatkan di penjara satelit bagi tem-

poh minimum 10 hari, untuk mereka mendapatkan saringan COVID-19.

“Jika ada tahanan yang dikejar positif, mereka akan dihantar ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) Penjara Sungai Udang,

Melaka bagi tujuan rawatan serta pengasingan.

“Semua kontak kes akan menjalani kuarantin selama 10 hari dari tarikh akhir pendedahan dan dipantau oleh pasukan perubatan di penjara berkenaan,” katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 35

RUANGAN : DUNIA

Penularan COVID-19

WHO Eropah gesa program suntikan vaksin dipercepat

Syarikat farmaseutikal diminta tingkat kapasiti pengeluaran

Copenhagen: Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Eropah menggesa benua itu dan kumpulan farmaseutikal bekerjasama untuk mempercepatkan vaksinasi COVID-19.


Pengarah WHO Eropah, Hans Kluge dalam satu wawancara dengan AFP semalam, turut menzahirkan kebimbangan mengenai keberkesanan vaksin berkenaan terhadap varian baharu virus itu.

"Kita perlu berganding bahu mempercepatkan vaksinasi," katanya ketika Eropah berusaha mengatasi permulaan tempen vaksinasi yang perlahan susulan ketegangan antara Brussels dengan syarikat pengeluar vaksin.

Kluge menekankan, syarikat farmaseutikal yang bersaing juga perlu menyertai usaha meningkatkan kapasiti pengeluaran vaksin itu secara drastik.

Di negara anggota Kesatuan Eropah (EU), hanya 2.5 peratus penduduk sudah menerima dos vaksin yang pertama.

Ketika ditanya sama ada vaksin dihasilkan sejak Disember



Seorang warga tua diberi suntikan vaksin COVID-19 di Freising, selatan Jerman. WHO Eropah bimbang penularan mutasi baharu virus sekali gus menggesa negara Eropah mempercepat suntikan vaksin.

tahun lalu masih berkesan terhadap varian baharu virus itu pula, Kluge mengaku ia adalah persoalan besar yang dikhuatiri beliau.

"Kita perlu bersedia menghadapi mutasi baharu virus itu yang mencetuskan masalah.

"Ia menjadi satu peringatan pahit bahawa virus itu masih mencengkam manusia," katanya

“Kita perlu berganding bahu mempercepatkan vaksinasi.”

Hans Kluge,
Pengarah WHO Eropah

sambil menggesa semua negara memperluaskan kapasiti penjujukan genom masing-masing.

Daripada 53 negara dalam rantau WHO Eropah yang meliputi beberapa negara di Asia Tengah, 37 sudah melaporkan jangkitan varian dari Britain dan 17 mencatatkan kes varian dari Afrika Selatan. AFP

Tiada bukti virus berasal dari Wuhan

Beijing: Pasukan pakar Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sangsi terhadap khabar angin mengenai Institut Virologi Wuhan (WIV) dikatakan sebagai tempat asal usul virus COVID-19.

Sebaliknya, pasukan terbabit itu yakin dengan tahap keselamatan di kawasan itu dan memberikan penilaian positif terhadap cara pengurusan serta pengendalian makmal di institut berkenaan.

Pasukan pakar WHO berada di China bagi menyiasat asal usul pandemik COVID-19 dan sudah melawat WIV serta makmal institut itu di Wuhan, wilayah Hubei Rabu lalu.

Pakar epidemiologi Institut Pasteur St Petersburg Russia, Dr Vladimir Dedkov, mendapati makmal berkenaan dilengkapi pelbagai kemudahan berpiawai tinggi dan sangsi bagaimana virus boleh disebarkan dari kawasan terbabit.

Seorang lagi pakar, Peter Daszak, sudah mengumpul pelbagai maklumat mengenai makmal itu, mengesahkan banyak pencapaian sains dan penyelidikan berjaya dihasilkan di makmal terbabit.

Mengulas mengenai Pasar Basah Huanan pula, Dr Vladimir mengesahkan tiada bukti menunjukkan penularan wabak berpunca dari pasar itu.

Dalam perkembangan lain, jurucakap Kementerian Luar China, Wang Wenbin, pada sidang media hari yang sama, turut memaklumkan bahawa perbincangan antara pasukan pakar WHO dengan petugas China membuahkan hasil.

Tambah Wang, kerja-kerja menyiasat oleh pakar terbabit ke kawasan hospital, pasar, Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) Wuhan serta tempat lain berjalan lancar. BERNAMA

Pfizer batal permohonan penggunaan kecemasan di India

New Delhi: Pfizer Inc (Pfizer) menarik balik permohonan penggunaan kecemasan vaksin COVID-19 di India, yang dibangunkan bersama firma Jerman, BioNTech, menurut syarikat itu semalam.

Firma farmaseutikal berpusat di Amerika Syarikat (AS) itu adalah syarikat penghasil ubat pertama yang memohon kebenaran penggunaan kecemasan vaksin COVID-19 daripada Kawalan Ubat Awam India (DCGI).

Pfizer, dalam satu kenyataan, berkata ia mengadakan pertemuan dengan pengawal selia ubat negara terbabit pada Rabu lalu dan keputusan dibuat selepas itu.

"Berdasarkan pertimbangan ketika pertemuan itu dan pemahaman kami mengenai maklumat tambahan yang mungkin diperlukan oleh pengawal selia, Pfizer memutuskan untuk mena-

rik balik permohonan ketika ini.

"Pada masa akan datang, pihak kami akan menyerahkan semula permohonan dengan maklumat tambahan seperti diperlukan oleh pengawal selia," katanya.

Menurut kenyataan sama, Pfizer akan terus mengadakan libat urus dengan pihak berkuasa dan menghantar semula permohonan kelulusan bersama maklumat tambahan apabila ia tersedia dalam waktu terdekat.

"Pfizer tetap komited menyediakan vaksin untuk digunakan kerajaan India dan berusaha memperoleh kebenaran penggunaan kecemasan bagi memastikan ia tersedia untuk digunakan nanti," katanya seorang jurucakap.

Jualan vaksin yang menjadi produk utama Pfizer tahun ini boleh mencecah sehingga AS\$15 bilion (RM61 bilion) jika syarikat

itu menandatangani lebih banyak kontrak bekalan.

Pfizer menyasarkan untuk menghasilkan dua bilion dos vaksin COVID-19 pada tahun ini.

Sementara itu, syarikat farmaseutikal gergasi, Johnson & Johnson (J&J), mengemukakan permohonan kelulusan kecemasan vaksin COVID-19 buatannya kepada Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) AS kelmarin.

Proses itu dijangka mengambil masa beberapa minggu dan sekiranya berjaya, vaksin terbabit akan menjadi yang ketiga mendapat kelulusan di AS selepas Pfizer dan Moderna.

Pada akhir minggu lalu, J&J mengumumkan keputusan pertama ujian klinikal dijalankan yang membabitkan hampir 44,000 orang di lapan negara. AFP



Pfizer menghantar semula permohonan kelulusan serta komited menyediakan vaksin kepada India.

(Foto AFP)

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

3,392 kes sembuh melebihi kes baharu

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Negara mencatatkan kes harian sebanyak 3,391 yang antara lain disumbangkan oleh 88 kluster aktif, manakala angka kes sembuh melebihi kes baharu iaitu sebanyak 3,392 kes dilaporkan.

Selangor kekal kes baharu tertinggi iaitu sebanyak 1,228 kes diikuti oleh Johor sebanyak 598 kes dan Kuala Lumpur sebanyak 395 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kluster yang melaporkan pertambahan kes dengan peningkatan tertinggi melibatkan Kluster Jalan Rumbia Dua dengan 133 kes, Kluster Sri Sengkang (112 kes) dan Kluster Industri Serkam (96 kes).

Menurutnya, sebanyak 15 kluster baharu dikenal pasti dengan 12 daripadanya kluster berkaitan tempat kerja melibatkan Kluster Jalan Rumbia di Johor Bahru, Johor dengan 133 kes saringan bersasar sebuah kilang di Jalan Rumbia, Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Pasir Gudang.

"Kluster Sri Sengkang pula di Kulai, Johor dengan 126 kes hasil



WARGA kota menunaikan solat Jumaat selepas dibenarkan dengan penjarakan fizikal 1.5 meter di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur semalam. – SHIDDIQIIN ZON

saringan bersasar sebuah kilang di Kawasan Perusahaan Sri Sengkang, Kulai.

"Kluster Jalan Mokhtar pula membabitkan 26 kes hasil saringan bersasar sebuah pasar

raya di Jalan Raja Mokhtar, Kapar, Klang," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Ujarnya, Kluster Jalan Enam Belas di Petaling, Selangor meli-

batkan 41 kes hasil saringan bersasar sebuah pasar raya di Seksyen 16, Subang Jaya, Petaling.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan mendedahkan, satu

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	3,391
Import:	4
Tempatan:	3,387
Pulih	3,392
• Kematian	19
• Masih dirawat	48,751
• Jumlah kes sembuh	185,278
• Jumlah Kematian	845
Jumlah kes keseluruhan	234,874

lagi varian baharu Covid-19 iaitu B117 telah dikesan di negara ini yang membabitkan pengembara pulang dari Emiriyah Arab Bersatu (UAE).

Ketua Unit Virologi Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Dr. Ravindran Thayan berkata, individu tersebut yang juga rakyat Malaysia pulang dari UAE selepas menjalani latihan di sana.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Terima vaksin awal

Malaysia akan peroleh vaksin Pfizer-BioNTech lebih awal dari 26 Februari

PUTRAJAYA

Malaysia akan menerima vaksin Pfizer-BioNTech seminggu lebih awal sebelum bermulanya Pelan Imunisasi Covid-19 Kebangsaan fasa pertama pada 26 Februari ini, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba pada Jumaat.

Beliau berkata, vaksin itu perlu diterima lebih awal bagi membolehkan suntikan awal diberikan kepada 7,000 individu yang akan bertugas memberikan vaksin.

"Kita perlu dahulukan mereka yang akan bertugas memberi vaksin dan 7,000 vaksinator telah dipilih untuk disuntik awal. Oleh itu, (vaksin) ini dijangka diterima awal seminggu dari tarikh 26 Februari," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini pada Jumaat.

Pada 11 Januari lepas, perjanjian untuk penghantaran fasa pertama vaksin Covid-19 Pfizer-BioNTech BNT1262b ke selu-



DR ADHAM BABA

ruh negara dimeterai antara kerajaan Malaysia, melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pfizer (Malaysia) Sdn Bhd.

Perjanjian dengan Pfizer (Malaysia) melibatkan perolehan vaksin sebanyak 12,799,800 dos yang akan dibekalkan mulai penghujung Februari, meliputi 20 peratus populasi Malaysia dengan dua dos seorang.

Dr Adham berkata, vaksin itu akan diterima secara berfasa iaitu 148,000 dos pada fasa pertama.

Dalam pada itu, Dr Adham berkata, KKM telah mengenal pasti 55 lokasi penyimpanan vaksin di seluruh negara yang dilengkapi Pengejut Suhu Ultra Rendah (ULTF), memandangkan vaksin itu perlu disimpan pada suhu -70 darjah Celsius.

"Vaksin ini perlu dalam suhu -70 darjah Celsius secara berterusan, sehingga ia dikeluarkan untuk disuntik kepada mereka yang terlibat dalam fasa Pelan Imunisasi Covid-19 Kebangsaan fasa pertama," katanya.

Beliau berkata, KKM juga bekerjasama dengan Tenaga Nasional Bhd untuk memastikan tiada gangguan bekalan elektrik berlaku di lokasi penyimpanan vaksin.

Mengenai 600 pusat pemberian vaksin yang akan dibuka di seluruh negara,

Dr Adham berkata, tujuh petugas terdiri daripada pegawai perubatan serta jururawat akan ditempatkan

di setiap fasiliti suntikan vaksin.

"Kita jangka dapat memberi 210 suntikan vaksin di satu-satu lokasi sehari dan sekiranya ia berjalan lancar, 120,000 suntikan dapat dijalankan setiap hari di semua 600 pusat pemberian vaksin," katanya.

Beliau berkata, KKM akan memastikan pusat pemberian vaksin yang akan dibuka itu terletak di lokasi strategik dan mempunyai peralatan yang mampu menyimpan vaksin dengan baik.

"Pusat pemberian vaksin ini perlu teratur dan kemas, dan proses pemberian vaksin akan dilaksanakan dalam jumlah tertentu, kerana kita tidak mahu orang beratur panjang.

"Selain itu, perlu ada sesi rehat untuk mereka yang ambil vaksin dalam 30 minit, kerana kita tidak mahu ada kesan mudarat selepas suntikan," katanya.

Rabu lepas, Dr Adham berkata, KKM sudah bersedia melaksanakan Pelan Imunisasi Covid-19 Kebangsaan fasa pertama, sebaik bekalan vaksin Pfizer-BioNTech tiba di Malaysia pada 26 Februari ini.

Menurutnya, sesi latihan awal penghantaran vaksin tersebut ke Klinik Kesihatan Belaga di Sarawak pada 29 Januari dan Hospital Bintulu pada 30 Januari berjaya dilaksanakan tanpa sebarang isu.

Beliau berkata, latihan awal penghantaran itu adalah untuk memastikan bekalan vaksin dari kilang syarikat gergasi farmaseutikal Amerika Syarikat, Pfizer di Puurs, Belgium yang menggunakan bekas ultra sejuk, sampai di Malaysia tanpa sebarang masalah. - Bernama

PKPD di SM Sultan Idris Shah II di Perak hari ini

KUALA LUMPUR - Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan dilaksanakan di Kampung Sebako 1 serta 2 di Lundu, Sarawak dan Sekolah Menengah Sultan Idris Shah II di Gerik, Perak bermula hari ini hingga 19 Februari.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pelaksanaan PKPD itu bertujuan memudahkannya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan saringan secara bersasar di kedua-dua lokaliti dan untuk mengawal jangkitan dalam komuniti.

Bagi PKPD di Sekolah Menengah Sultan Idris Shah II di Gerik, Perak, Ismail Sabri berkata, sehingga 2 Februari lepas KKM telah melaksanakan 81 ujian saringan dan daripada jumlah itu 24 kes positif Covid-19 telah direkodkan dan masih ada baki dua sampel menunggu keputusan.



ISMAIL SABRI

Merujuk kepada dua kampung di Lundu, beliau berkata, KKM telah melaksanakan 790 ujian saringan dan daripada jumlah itu sebanyak 31 kes positif Covid-19 telah direkodkan.

Menurutnya, antara prosedur operasi standard (SOP) PKPD di kawasan berkenaan adalah penduduk tidak dibenarkan keluar dan masuk dari atau ke kawasan PKPD, dan pemberian bantuan bekalan makanan akan diselenggarakan secara bersama oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian Kuching.

Sementara itu, PKPD di Kampung Sungai Ud dan Kampung Sungai Ud Hilir di Dalat, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 10 Februari, kini dilanjutkan sehingga 16 Februari.

"Sehingga 3 Februari, sebanyak 21 kes positif telah direkodkan dan KKM mengesahkan masih terdapat 2,021 baki sampel saringan yang sedang menunggu keputusan," katanya. - Bernama

61 pekerja kilang di Senawang positif Covid-19

SEREMBAN - Seramai 61 pekerja sebuah kilang di kawasan Perindustrian Tuanku Jafaar Senawang, dekat sini disahkan positif Covid-19 selepas saringan terhadap seorang pekerja bergejala dan kontak rapat rakan pekerja dilakukan pada 3 Februari.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, daripada jumlah itu 41 adalah pekerja tempatan, manakala 20 yang lain adalah pekerja warga asing.

"Sehingga semalam (4 Februari) seramai 61 orang telah dikesan positif daripada 416 individu yang telah dibuat persampelan dan kadar positifiti

adalah sebanyak 15 peratus.

"Kluster ini bermula dengan saringan bergejala seorang pekerja kilang dan saringan kontak rapat dalam kalangan rakan sekerja yang dijalankan.

"Bagaimanapun mereka yang berisiko telah diasingkan dan dikuarantin di tempat yang bersesuaian mengikut nasihat KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia)," katanya selepas melawat kilang tersebut pada Jumaat.

Kata Dr Adham, kilang dan asrama penginapan tersebut telah diarahkan tutup bermula 4 hingga 9 Februari bagi tujuan pembersihan dan sanitasi bangunan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Lagi kes varian B117 dikenal pasti

Dikesan daripada rakyat tempatan yang pulang dari UAE

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Satu lagi Varian B117 dikenal pasti di Malaysia baru-baru ini.

Perkara itu disahkan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah pada sesi libat urus media darurat Covid-19 siri 2 2021 pada Jumaat.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ada mengesan satu lagi kes varian B117 daripada rakyat tempatan yang pulang daripada menjalani latihan di Emiriah Arab Bersatu (UAE)," katanya.

Mengulas lanjut, Ketua Unit Virologi Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) KKM, Dr T Ravindran berkata, sampel ber-

kenaan diambil di pintu masuk antarabangsa.

"Banyak kajian yang perlu kita lakukan sebelum menyimpulkan sama ada mutasi baharu itu memiliki kadar kebolehtangkitan yang tinggi atau sebaliknya," katanya.

Beliau berkata, setakat ini, tiada varian yang dikesan di Brazil dan Afrika Selatan dikenal pasti di negara ini.

Sebelum ini, varian B117 dikesan pada kali pertama di negara ini selepas rakyat tem-



DR NOOR HISHAM

patan pulang dari United Kingdom pada Disember lalu.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempertimbangkan untuk menurunkan kuasa kepada hospital swasta bagi membolehkan pengamal perubatan di sektor berkenaan mengeluarkan perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah (HSO) kepada pesakit Covid-19.

"Pada masa ini, doktor swasta tidak diberi kuasa bagi me-

ngeluarkan HSO tetapi kita sedang melihat untuk turunkan kuasa dan apabila tamat kuarantin, mereka boleh mengeluarkan arahan pelepasan serta memotong gelang pesakit," katanya.

Selain itu katanya, KKM mempertimbangkan untuk melakukan kawalan harga terhadap ujian calitan yang diadakan di fasiliti kesihatan swasta dalam tempoh pelaksanaan darurat.


Mengulas mengenai kes baharu Covid-19, Dr Noor Hisham memaklumkan, jumlah kes menurun kepada 3,391 kes daripada 4,571 kes pada Khamis.

"Malaysia juga turut mencatatkan 19 kematian dalam tempoh 24 jam lepas," katanya.


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALYSIA

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 5 Februari 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 231,483 kes kepada 234,874 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	234,874	PULIH:	185,278	ICU:	310	KEMATIAN:	845	KES BAHARU	+3,391
---------------------	---------	--------	---------	------	-----	-----------	-----	------------	--------



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Solusi agihan vaksin dimuktamadkan minggu hadapan: KKM

SHAH ALAM - Kerajaan melalui Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin Covid-19 bakal memuktamadkan solusi pengedaran dan strategi penerangan Program Imunisasi Covid-19 kepada rakyat seawat-lewatnya minggu hadapan.

Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, setelah Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan program imunisasi terbesar negara itu bakal dilaksanakan melalui tiga fasa, satu mesyuarat khas bagi memuktamadkan strategi penerangan

dan agihan bekalan vaksin Covid-19 perlu diadakan dengan kadar segera.

Menurutnya, hasil keputusan mesyuarat jawatankuasa itu penting bagi memastikan inisiatif pemberian vaksin Covid-19 secara percuma kepada 26.5 juta rakyat, atau mencakupi 80 peratus populasi negara bagi membentuk imuniti berkelompok, dapat dilaksanakan secara efektif, sistematik dan lancar.

"Kita menyedari keghairahan rakyat dan pemain industri yang



mahukan bekalan itu diagihkan segera. Namun jumlah bekalan vaksin Covid-19 yang bakal diagihkan melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan adalah terbesar dalam sejarah negara dan sangat penting.

"Jadi memang keperluan kerajaan merangka satu strategi mampan dari aspek mobiliti pengedaran dan kawal selia bekalan vaksin serta strategi penerangan berkesan kepada rakyat secara terperinci.

"Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Covid-19 yang diwakili Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Sains, Inovasi dan Teknologi (Mosti) mahu memuktamadkan dahulu kaedah pengagihannya sebelum dijelaskan kepada orang awam."

Pada Khamis, Muhyiddin melalui ucapan perutusan khas mengumumkan kerajaan akan memulakan 'roll-out' pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan mulai hujung bulan ini memabitkan tiga fasa suntikan.



NOOR AZMI

MySejahtera pantau suntikan vaksin

Sebagai platform terbaik untuk rakyat dapat maklumat vaksin Covid-19

SHAH ALAM

Kerajaan disarankan menggunakan aplikasi MySejahtera bagi memantau dan memaksimumkan pelaksanaan suntikan vaksin Covid-19 kepada lebih 26.5 juta rakyat Malaysia sebaik sahaja bekalan itu mula diterima hujung bulan ini.

Demikian cadangan pakar perubatan kesihatan awam daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Madya Dr Mohd Dzulkhairi Mohd Rani sebagai salah satu kaedah terbaik bagi kerajaan memastikan program vaksinasi terbesar negara untuk satu tempoh masa jangka

yang pendek itu berjalan dengan lancar dan sistematik.

Walaupun, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Khamis telah memaklumkan tiga fasa pengagihan suntikan vaksin, namun sehingga kini rakyat masih tertanya bagaimana, bila dan di mana sebenarnya mereka akan menerima suntikan itu.

Ini kerana pakar-pakar kesihatan melahirkan kebimbangan akan timbul kekeliruan dan kekecohan memandangkan jumlah 26.5 juta penerima vaksin bukanlah satu angka yang kecil.

"Melalui kaedah mewajibkan rakyat menggunakan aplikasi MySejahtera, kerajaan lebih mudah mengesan individu yang dijangkiti Covid-19 atau lebih berisiko dijangkiti virus itu.

"Lebih menarik, kerajaan juga boleh memfokuskan strategi pengedaran vaksin kepada kawasan yang berisiko tinggi Covid-19 terlebih dahulu," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Dr Mohd Dzulkhairi berkata, penggunaan aplikasi MySejahtera juga merupakan platform terbaik untuk rakyat mendapatkan maklumat terkini berkenaan pengagihan bekalan vaksin



Aplikasi MySejahtera diyakini sebagai platform terbaik kerajaan untuk memaksimumkan capaian pengedaran bekalan vaksin Covid-19 kepada 26.5 juta rakyat Malaysia.

Covid-19 di kawasan masing-masing.

Jelas beliau, hal ini disebabkan aplikasi berkenaan bersifat komunikasi dua hala dengan kerajaan dan akan dilihat lebih telus.

"Bila orang ramai klik pada aplikasi MySejahtera, mereka sudah boleh tahu siapa hidap Covid-19 di sekeliling mereka dan siapa sudah menerima vaksin kerana MySejahtera sudah dilengkapi sistem pengumpulan data komprehensif.

"Kewajipan penggunaan aplikasi MySejahtera kepada rakyat bagi tujuan perincian bekalan vaksin juga secara tidak langsung menggalakkan rakyat memertingkatkan penggunaannya pada masa hadapan," katanya.

Setakat 4 Disember tahun lalu difahamkan lebih 24.5 juta pengguna telah pun memuat turun aplikasi MySejahtera menerusi telefon pintar masing-masing.

Dalam pada itu, Presiden Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Malaysia, Datuk Dr Zainal Omar, mencadangkan fasa awal pemberian vaksin Covid-19 daripada syarikat Pfizer perlu ditumpukan kepada lebih 200,000 *frontliner*.

Sementara itu, fasa pengedaran seterusnya memabitkan orang awam. Dr Zainal Omar lebih mengesyorkan kerajaan memberikan vaksin jenis Astra Zeneca berbanding vaksin Pfizer.

"Vaksin Astra Zeneca yang dihasilkan oleh syarikat dari Eropah menggunakan teknologi berbeza daripada Pfizer kerana kaedah kawal selianya tidak memerlukan fasiliti bertaraf tinggi.

"Vaksin Astra Zeneca ini juga akan memudahkan urusan logistik dan mobiliti," katanya.

Beliau juga menolak cadangan kerajaan perlu menerokai bekalan Covid-19 daripada pelbagai sumber berlainan.

Katanya, penggunaan terlalu banyak jenis vaksin akan menyukarkan pemantauan daripada pihak berwajib.

BEKALAN FASA PERTAMA VAKSIN PFIZER-BIONTECH

TIBA 26 FEB. 2021

